

PENDEKATAN PENGAJARAN AL-QURAN BUAT WARGA EMAS MENURUT HADITH RASULULLAH ﷺ

QURANIC TEACHING APPROACH FOR THE ELDERLY ACCORDING TO HADITHS OF THE PROPHET

Shah Rizul Izyan Zulkiply

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: sr.izyan@raudah.usim.edu.my

Noornajihan Jaafar

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: noornajihan@usim.edu.my

Nurul Asiah Fasehah Mohammad

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Mohd Shamsul Hakem B Abd Samad

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: shamsul@usim.edu.my

ABSTRAK

Kelas pengajian al-Quran kerap kali menjadi pilihan buat warga emas. Namun perkara yang menjadi kegundahan adalah pelajar yang menghadiri kelas ini adalah di kalangan pelajar yang sama, bahkan semakin merosot. Situasi ini bukan sahaja belaku di masjid malah di rumah kebajikan warga emas. Setelah di selidiki, terdapat pelbagai faktor antara nya adalah pendekatan yang di gunakan oleh guru tidak bersesuaian dengan tahap keupayaan fizikal, kognitif dan psikologi warga emas. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan pendekatan pengajaran al-Quran khusus untuk warga emas berdasarkan kepada hadith-hadith Rasulullah SAW . Kajian yang berbentuk perpustakaan ini mengambil beberapa hadith terpilih yang boleh dijadikan sandaran buat guru al-Quran warga emas. Pendekatan yang sesuai sangat penting kepada warga emas kerana, sekiranya guru menggunakan pendekatan yang salah, warga emas akan mudah berkecil hati dan menarik diri dari mempelajari al-Quran.

Kata Kunci : Pengajaran al-Quran untuk Warga Emas, Warga Emas, Andragogi.

ABSTRACT

Quranic classes are one of the available options for the elderly. However, there is a worrying trend where only the same students are registering for these classes, and even their number is declining. This situation is seen not only in mosques but also in welfare homes for the elderly. Investigations have revealed various contributing factors for this phenomenon. For example, the approach used by teachers is not appropriate to the levels of physical, cognitive, and psychological abilities of the elderly. Therefore, this study aims to propose a specific approach to teaching al-Quran for the elderly based on the hadiths of Prophet Muhammad PBUH. The library research method was used to select the hadiths that can be used as a reference in developing a suitable approach for Quran teachers who teach the elderly. Using an appropriate approach for the elderly is imperative, as the wrong approach will discourage them from studying the Quran, ultimately leading to withdrawal from the classes.

Keywords: Quranic Teaching, Elderly, Andragogy.

1. PENDAHULUAN

Malaysia akan menjadi negara tua menjelang tahun 2035. Pelbagai aspek dan isu perlu dihadapi oleh warga emas antaranya isu kesihatan, isu pengabaian, isu ketiadaan sokongan sosial dan isu kewangan.¹ Selain dari isu di atas, isu yang paling membimbangkan bagi warga emas adalah kurangnya persediaan rohani.² Sebanyak 77% warga emas telah menuaikan solat lima waktu dan selebihnya iaitu sebanyak 23% tidak menuaikan solat lima waktu.³ Menariknya, kajian ini mendedahkan punca warga emas tidak solat bukanlah asbab daripada kejahilan tetapi berpunca dari tabiat sering meninggalkan solat ketika muda. Perkara ini amat membimbangkan kerana pada peringkat usia tua adalah merupakan usia yang kritis yang sangat memerlukan kepada persiapan rohani.⁴

¹ Sharif, N. C., Alavi, K., Subramaniam, P., & Zamani, Z. A. (2013) . “Pengalaman Dan Faktor Pengabaian Warga Emas Dalam Komuniti (Experiences And Factors Of Negligence Among Elderly In Community)”. *Journal Of Csocial Sciences And Humanities*, 53(9), 1689–1699.

² Elmi Baharuddin, & Zainab Ismail (2013) “Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan”. *Islamiyyat*, 35(1), 19-28.

³ Zainab Ismail & Elmi Baharuddin (2012). “Religious Participations Among the Older Persons In Malaysia”. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3): 388-391, 2012 ISSN 1995-0772 Bangi: UKM.

⁴ Ibid.

Dari aspek pembelajaran al-Quran pula, terdapat segelintir warga emas pada hari ini yang masih belum tahu membaca al-Quran seumur hidupnya⁵ Perkara ini ditambah dengan kenyataan⁶ Mariam Abd Majid yang menegaskan, terdapat warga emas yang baru mula mempelajari al-Quran ketika usia 60 tahun. Ungkapan "belum pandai membaca al-Quran" merupakan alasan yang kerap diberikan oleh warga emas yang enggan melakukan ibadat wajib, berzikir dan berdoa.⁷ Hal ini sewajarnya di pandang serius, ini berikutan permasalahan buta huruf al-Quran di Malaysia telah berada pada tahap yang membimbangkan.⁸ Meskipun, pelbagai persediaan yang telah di lakukan oleh kerajaan bagi mendepani cabaran dan masalah termasuk daripada sudut fasilitis, kesihatan, ekonomi dan pelbagai lagi. Namun, dari sudut Pendidikan dan kerohanian, kurang di titik beratkan.⁹

2. PERMASALAHAN KAJIAN:

Pada masa kini, banyak kelas pengajian untuk warga emas di laksanakan di masjid, di rumah seri kenangan warga emas, mahupun kelas berbayar, namun bilangan pelajar yang hadir semakin merosot bahkan terdiri di kalangan pelajar yang sama.¹⁰ Situasi ini belaku kerana guru yang mengajar menggunakan pendekatan yang tidak sesuai dengan tahap keupayaan mereka.¹¹ Secara umumnya, pendekatan pengajaran al-Quran buat kanak-kanak dan warga emas adalah berbeza.¹² Ini kerana warga emas

⁵ Ibid.

⁶ Mariam Abd Majid (2017) *MonoGraf Model Pendidikan Warga Emas Di Pondok-Pondok Di Malaysia*, Bangi: Kuis

⁷ Monika @ Munirah, A. R., Liyana Nadzirah, M. S., Nor Hizwani, A. T., & Nik Mohd Zaim, A. R. (2014). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian Di Tv Al-Hijrah*. The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014, 978–967. Retrieved From Https://Umexpert.Um.Edu.My/File/Publication/00008431_105022.Pdf

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Fakhru Adabi Abdul Kadir (2007). Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25, 73–88. Retrieved From Http://Apium.Um.Edu.My/Journals/Journal_Usul/No_Usul.Php

¹¹ Abdul Razak, Ahmad Zabidi (2018). Pembangunan Insan Yang Berterusan: Asas Inisiatif Pembinaan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas, *International Conference On Aqidah, Dakwah and Syariah 2016* (Irsyad 2016).

¹² Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al (2011). Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 5(Special Edition), 53–70.

mempunyai fizikal yang semakin lemah,¹³ perubahan emosi¹⁴ dan kemerosotan kognitif¹⁵ setelah mengejek usia.

Oleh yang demikian bagi menyantuni warga emas, pendekatan yang harus diteladani adalah melalui hadith Rasulullah SAW. Ini kerana menurut Said Nursi dalam Risalah Orang Tua, Rasulullah SAW merupakan murabbi bagi roh, muallim bagi akal dan kekasih bagi hati. Ini membuktikan bahawa Baginda SAW adalah contoh terbaik dalam mendidik. Penyataan ini di kuatkan lagi kenyataan oleh sahabat Nabi SAW yang bernama al-sulamē dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim:

فَبَأْيِ هُوَ وَأَمِيْ، مَا رَأَيْتُ مَعْلَمًا قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ أَحْسَنَ تَعْلِيمًا مِنْهُ، فَوَاللهِ مَا كَهْرِيْ وَلَا ضَرِبِيْ وَلَا شَتَمِيْ

Maksudnya: Maka demi bapa dan ibu ku, sesungguhnya aku tidak pernah melihat guru yang terbaik cara pengajaran Nya (Rasulullah SAW) Sebelum dan selepasnya (Rasulullah SAW). Maka demi Allah SWT Baginda SAW tidak pernah memarahi ku, memukul ku dan mencela ku.¹⁶

Maka kajian ini akan mengemukakan pendekatan pengajaran al-Quran warga emas yang sesuai mengikut kaedah Rasulullah SAW. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menilai dan menganalisis perbincangan di dalam kandungan teks.

3. PENDEKATAN PENGAJARAN AL-QURAN WARGA EMAS MENURUT HADITH

Guru yang mengajar warga emas sebaiknya mempunyai ilmu berkenaan pendekatan pengajaran dan mengetahui asas berkenaan ilmu gerentologi bagi memahami warga emas.¹⁷ Ini kerana kesan daripada Pendekatan pengajaran yang salah boleh mengakibatkan warga emas merajuk dan tidak mahu lagi meneruskan pembelajaran al-Quran¹⁸ Hasil analisis beberapa hadith, pengkaji mendapati terdapat 12 hadith yang di gunakan oleh Rasulullah ﷺ dalam dakwah baginda ﷺ, namun masih boleh di aplikasi kan dalam pendekatan pengajaran al-Quran untuk warga emas.

¹³ Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob (2017). Komunikasi Berkesan Dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37. Retrieved from: <Https://Doi.Org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02>

¹⁴ Mohd Shamsul Hakim Abd Samad et al (2017). Pembelajaran Al-Quran Teras Pengajian Sepanjang Hayat Bagi Warga Emas: Kajian Ke Atas Penghuni Rumah Jagaan Orang-Orang Tua. *Niai: USIM*

¹⁵ Boulton-Lewis, G. M. (2010). Education And Learning For The Elderly: Why, How, What. *Educational Gerontology*, 36(3), 213–228. Retrieved from: <Https://Doi.Org/10.1080/03601270903182877>

¹⁶ Hadith Muslim, Riayaduatin Solihin. kitab al-adab.#700

¹⁷ Ramlan et al (2008). “Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu, Cabaran Dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan Dalam Komuniti Setempat”. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pkpgb 2008*, 1–9.

¹⁸ Ibid

1) Kasih Sayang

Setelah memasuki usia tua, secara fitrahnya warga emas akan menjadi lebih sensitif dan memerlukan layanan halus daripada orang sekelilin.¹⁹ Nabi Muhammad ﷺ merupakan insan yang sangat lembut dan mempunyai kasih sayang yang sangat luar biasa. Perkara ini mampu menarik perhatian sesiapa sahaja yang melihat baginda ﷺ. Situasi ini seperti di rakamkan dalam hadith baginda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ بَيْنَمَا تَحْنُّ فِي الْمَسْجِدِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ جَاءَ أَعْرَابِيًّا فَقَامَ يَبْوُلُ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَهْ مَهْ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تُنْزِرُ مُؤْمِنٌ دُعْوَةً فَتَرْكُوهُ حَتَّىٰ يَأْتِيَ إِنَّمَا إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَاهُ فَقَالَ لَهُ إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِّنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَدْرِ إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ أَوْ كَمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَأَمْرَ رَجُلًا مِّنَ الْقَوْمِ فَجَاءَ بِدَلْوٍ مِّنْ مَاءٍ فَشَنَّهُ عَلَيْهِ

Dari Anas bin Malik r.a., iaitu pakcik Ishak, katanya: "Ketika kami sedang berada di dalam masjid bersama-sama Rasulullah ﷺ, tiba-tiba datang seorang Arab Badwi, lalu dia kencing di dalam masjid. Maka berkata para sahabat, "Mah, mah!" Sabda Nabi ﷺ: "Jangan kalian ganggu dia. Biarkan!" Kerana itu para sahabat membiarkannya sehingga dia selesai kencing. Kemudian orang itu dipanggil oleh Rasulullah ﷺ. Lalu beliau bersabda kepadanya, "Tempat ini adalah masjid. Tidak patut anda kencing di sini atau mencemari tempat ini. Masjid ialah tempat solat, tempat mengingat Allah 'azza wa jalla dari membaca Quran. Sesudah itu Rasulullah ﷺ. Menyuruh seseorang mengambil air secebok, lalu disiramkannya di atas kencing itu."²⁰

Hadith ini menunjukkan bagaimana respon pertama Rasulullah ﷺ ketika berhadapan dengan situasi tersebut. Baginda ﷺ sangat tenang dan sedikit pun tidak mengertak, tidak menghukum, malah membiarkan Arab Badwi tersebut menyelesaikan dahulu hajatnya. Setelah selesai, baru Rasulullah ﷺ menegur dengan cara nasihat yang baik dan menunjukkan tindakan yang betul. Akhlak baginda ﷺ itu bukan sahaja menyenangi hati Arab Badwi tersebut malah memberi contoh tauladan kepada para sahabat dan umat Islam dalam menegur dengan cara lemah lembut dan berkasih sayang. Begitu juga dengan guru dan warga emas, pendekatan kasih sayang ini perlu di serapkan terlebih dahulu agar hubungan yang baik dan mesra dapat di bina.²¹ Hubungan yang baik antara guru dan warga emas dapat melancarkan sesi pengajaran. Pelajar lebih

¹⁹ Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). "Komunikasi Berkesan Dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial". *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37. [Https://Doi.Org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02](https://Doi.Org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02)

²⁰ Hadis Muslim, kitab Taharah. no hadith 285.

²¹ Ibid


mudah menerima teguran dan melakukan perubahan sekiranya terdapat hubungan yang baik antara guru dan pelajar.

2) Membimbang Warga Emas ketika Melakukan Kesalahan

Selain itu, hadith di atas juga sesuai untuk dijadikan contoh kaedah menegur dan membimbang warga emas dalam melakukan kesalahan terutama kesalahan dalam membaca al-Quran. Meskipun warga emas mempunyai jiwa yang halus, namun warga emas mempunyai ego yang tersendiri. Di tambah lagi teguran tersebut datang daripada guru yang lebih muda daripada mereka. Oleh yang demikian, kaedah yang baik adalah guru perlu menunggu warga emas menghabiskan bacaan al-Quran tersebut dan kemudian baru teguran tersebut boleh di buat. Teguran yang dilakukan dengan nada yang kasar, ayat yang menyindir serta riak wajah yang kurang senang akan menyebabkan warga emas berkecil hati dan merajuk.²² Namun warga emas yang bersedia untuk belajar kebiasaan bersedia untuk dibimbang, namun cara menegur itu perlulah berhikmah.

3) Menggunakan Kata-Kata yang Lembut (*Qaulan Karima*)

Nabi Muhammad ﷺ menegur dengan cara yang paling lembut dan baik supaya tidak menjatuhkan air muka seseorang itu. Penggunaan laras bahasa yang lembut sangat di tuntut terutama buat warga emas yang mempunyai emosi mudah tersinggung dan berkecil hati.



“Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan)”. (Al-Quran. Taha:44)

Selain itu Rasulullah ﷺ sangat menghormati estim sasaran. Dalam satu situasi, Baginda ﷺ melihat seseorang melakukan kesalahan, Baginda ﷺ tidak terus menegur dan menghukum, “Kamu salah, kamu akan mendapat azab Allah”. Sebaliknya, Baginda ﷺ akan menunggu ruang dan peluang supaya Baginda ﷺ dapat menegur orang tersebut dalam nada kiasan supaya empunya diri tidak merasa malu.²³ Warga emas juga sebegitu, mereka malu sekiranya orang sekeliling tahu yang mereka tidak mampu membaca dengan baik.²⁴ Apatah lagi di tegur secara terbuka di hadapan orang ramai.

²² Abdul Razak, Ahmad Zabidi. (2018). “Pembangunan Insan Yang Berterusan: Asas Inisiatif Pembinaan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas”, *international Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016*

²³ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud (1996) , *al-Tarbiyah al-Islamiyyah fi Surah al-Ahzab*, t.t.p.: Dar al- Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah

²⁴ Wan-Ibrahim, W. A., Zainab, I., Muhammad-Hafeez, Z., Siti-Hawa, M., Faraha, A., Noredayu, A. G., & Noraini, M. T. (2012). “Kepatuhan agama atas pembentukan tamadun ummah: Kes tahap kepatuhan agama warga tua wanita Felda Chiku, Kelantan”. *Journal Hadhari Special Edition*, 79–89

Oleh sebab itu, ramai warga emas memilih untuk belajar secara privasi supaya maruah mereka lebih terpelihara.

4) Bentuk Pengajaran yang Jelas dan Menarik.

Setiap warga emas yang hadir ke kelas pengajian sudah pasti mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan, ekonomi dan pendidikan. Oleh sebab itu pengajaran yang di sampaikan haruslah sesuai dengan tahap keupayaan pelajar.²⁵ Secara fitrahnya, apabila menginjak usia tua tahap kognitif warga emas jadi semakin merosot, daya fokus dan tahap memori menjadi semakin lemah. Maka pembelajaran perlu di ajar satu persatu dan berulang-ulang. Silibus pembelajaran yang terlalu tinggi dan penyampaian yang laju akan memberi tekanan kepada warga emas.²⁶ Guru al-Quran perlu menyusun cara penyampaian dengan mengikut cara Rasulullah ﷺ. Kefasihan Rasulullah ﷺ tidak hanya terhad kepada gaya bahasa yang baik dalam ucapan, malah ia terpancar daripada kaedah pengajarannya. Apabila bertutur Baginda ﷺ akan menyebutnya dengan jelas dan tidak hanya menggerakkan kedua-dua bibir, bermakna makhrajnya betul-betul jelas, baginda ﷺ akan mengulang-ulangnya tiga kali dan menyebut satu persatu hingga dapat didengar dan dihafaz oleh semua.²⁷ Anas r.a. menceritakan:

وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاثًا حَتَّى تُفْهَمَ عَنْهُ وَإِذَا أَتَى عَلَى قَوْمٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ سَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلَاثًا .

Anas berkata: bahawa apabila Nabi membuat satu kenyataan baginda mengulanginya tiga kali supaya ia dapat difahami, dan apabila baginda datang kepada kaumnya, maka baginda memberi salam kepada mereka baginda melakukannya tiga kali.²⁸

Hadith ini selari dengan kaedah komunikasi warga emas yang di anjurkan oleh Khadijah Alavi bahawa keperluan menggunakan bahasa jelas yang mudah di fahami oleh warga emas.²⁹ ‘ saidatina Aishah pula menyebut, “Sesungguhnya Rasulullah ﷺ tidak menyambung sebutan hadith sebagaimana yang kamu lakukan.” Rasulullah ﷺ menggunakan nada suara yang sesuai dengan apa yang hendak disampaikan dan apa yang tersirat di hati terpancar melalui mimik mukanya. Baginda ﷺ akan tersenyum malah menangis jika keadaan menuntut sedemikian. Apabila hendak menegaskan

²⁵ Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, et al (2011)"Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa". *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 5(Special Edition), 53–70.

²⁶ Mariam Abd Majid et al (2017) *MonoGraf Model Pendidikan Warga Emas Di Pondok-Pondok Di Malaysia*, Bangi: Kuis

²⁷ Al-Sibagh, Muhammad Lutfi (1986) *al-Hadith al-Nabawi, Mustalahuh, Balaghatush, Kutubuh*, t.tp.: al-Maktab al-Islami.

²⁸ Sumber: Hadith Al-Bukhari. Kitab Al-'Ilm. Bab Man A'ada al-Hadith Thalathan Liyufham 'Anhu. no hadith 94.

²⁹ Ibid.

sesuatu dan menyatakan kepentingannya, Baginda ﷺ akan mengalah kedudukan, sebagaimana dalam hadith *shahadah al-zur*.

Ini menunjukkan bahawa kaedah baginda mengajar sangat menarik dan tidak membosankan. Baginda ﷺ bukan sahaja menggunakan intonasi suara yang pelbagai malah meluahkan bentuk pembelajaran dengan ekspresi wajah yang sesuai dengan jalan cerita. Dalam pengajaran warga emas, pembelajaran berbentuk penceritaan lebih menarik minat mereka. Guru al-Quran boleh menggunakan kaedah penceritaan dengan mengambil intipati dari kisah-kisah daripada al-Quran dan di kaitkan dengan masa kini. Meskipun tahap kognitif warga emas semakin menurun, namun sekiranya pengajaran ini di selimuti dengan emosi, ia mampu tersimpan lama dalam memori dan menjadi suatu pengajaran yang berkesan.³⁰

Mengikut Keupayaan Akal Fikiran, Fizikal dan Psikologi Pelajar.

Rasulullah ﷺ memberi pengajaran kepada manusia mengikut keupayaan fizikal, psikologi dan tahap kognitif mereka. Ini kerana, percakapan yang tidak dapat difahami oleh pendengar mampu menimbulkan salah faham, kerana mereka akan memberi tafsiran berbeza dengan maksud sebenarnya. Oleh itu, segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ dapat ditanggapi oleh semua golongan sama ada yang tinggal di pedalaman mahupun yang tinggal di bandar. *Uslub* yang digunakan oleh Rasulullah ﷺ ini dapat dilihat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah katanya:

أَنَّ أَعْرَابِيًّا، أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ امْرَأَيِّي وَلَدَتْ غُلَامًا أَسْوَدَ، وَإِنِّي أَنْكِرُهُ. قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "هَلْ لَكَ مِنْ إِبْلٍ". قَالَ نَعَمْ. قَالَ "فَمَا أَلْوَاهُكَ؟". قَالَ حُمْرٌ. قَالَ "هَلْ فِيهَا مِنْ أَوْرَقَ؟". قَالَ إِنَّ فِيهَا لَوْزَقًا. قَالَ "فَأَنِّي ثُرِيَ ذَلِكَ جَاءَهَا". قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عِرْقٌ نَّزَعَهَا. قَالَ "وَلَعَلَّ هَذَا عِرْقٌ نَّزَعَهُ". قَالَ "وَلَمْ يُرِجِّعْنُ لَهُ فِي الِائْتِقَاءِ مِنْهُ"

Seorang Badwi datang kepada Nabi Muhammad dan menyatakan bahawa bayi berkulit hitam yang dilahirkan isterinya bukanlah anaknya. Nabi Muhammad bertanya: "Adakah kamu mempunyai unta?" lelaki Badwi itu menjawab, "Ya." Lalu Nabi bertanya, "Apa warnanya?" Lelaki itu menjawab, "Merah." Lalu Nabi bertanya lagi, "Adakah yang bewarna kelabu di antaranya?" Dia berkata, "Ya (ada)." Lalu Nabi berkata, "Dari manakah anda rasa warna ini datang kepada mereka?" Lelaki Badwi itu menjawab, "Wahai Rasulullah, ini disebabkan oleh keturunannya." Lalu Nabi berkata, "Dan anakmu juga mewarisi warna dari nenek moyangnya." ³¹

³⁰ Sucylaite, J. (2014). "Elderly People Communication in Literature Learning Environment". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 953–957. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.646>

³¹ Hadith Al-Bukhari. Kitab al-Tolaq. Bab Iza 'Arrado Binafyi al-Walad.no hadith 5305

Riwayat ini menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ mengambil contoh dengan sesuatu yang dekat dan dilihat oleh lelaki itu, kerana ia akan memudahkannya untuk memahami. Dalam situasi warga emas, keperluan guru untuk menerang kan sesuatu ilmu adalah berdasarkan tahap fizikal, kognitif, psikologi dan juga latar belakang kehidupan. Ini kerana, warga emas mempunyai sejarah hidup yang berbeza. Penerangan dengan mendatang nya contoh-contoh yang sinonim dengan latar belakang kehidupan mereka pasti akan memudahkan kefahaman sesuatu ilmu. Perkara yang paling digemari oleh warga emas ialah tempat mereka membesar, alam persekolahan, percintaan dan perkahwinan, alam pekerjaan, suka duka yang paling mereka ingati sebagai pengalaman hidup yang tidak boleh dilupakan zaman kanak-kanak atau hobi warga emas tersebut.³²

5) Bahasa Badan dan Pandangan Mata yang Berkesan

Selain itu bahasa badan dan pandangan mata merupakan perkara yang semakin hilang dalam adab dan berkomunikasi masyarakat sekeliling. Bahasa badan dan pandangan mata yang digunakan dalam penyampaian baginda ﷺ memberikan impak yang mendalam dalam jiwa pendengar.

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يُقْبِلُ بِوَجْهِهِ وَحَدِيثِهِ عَلَى أَشْرِ الْقَوْمِ، يَسْتَأْلِمُهُمْ بِذَلِكَ فَكَانَ يُقْبِلُ بِوَجْهِهِ وَحَدِيثِهِ عَلَيَّ، حَتَّىٰ ظَنَنتُ أَنِّي حَيْرُ الْقَوْمِ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَا حَيْرٌ أَوْ أَبُو بَكْرٍ؟ فَقَالَ: أَبُو بَكْرٍ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَا حَيْرٌ أَوْ عُمَرٌ؟ فَقَالَ: عُمَرٌ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَا حَيْرٌ أَوْ عُثْمَانٌ؟ فَقَالَ: عُثْمَانٌ، فَلَمَّا سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَصَدَقَنِي فَلَوْدِدْتُ أَنِّي مَأْكُونْ سَائِلٌ.

Amr ibnul 'Aas Radiyallahu 'Anhu meriwayatkan: "Rasulullah ﷺ memberi perhatian, bercakap dan menunjukkan kasih sayang kepada orang yang paling buruk dari suatu kaum. Supaya orang itu merasakan dia diberi perhatian khusus). Dia selalu memberi perhatian, dan bercakap kepadaku juga dengan cara, bahawa aku mula merasakan bahawa aku adalah yang terbaik di kalangan masyarakat. (Oleh itu pada suatu hari) aku bertanya: 'Wahai Rasulullah, adakah aku lebih baik atau Abubakr lebih baik?' Dia menjawab: 'Abubakr'. Saya kemudian bertanya: 'Adakah saya lebih baik, atau 'Umar?' Beliau menjawab. "Umar". Saya bertanya: 'Adakah saya lebih baik atau 'Uthman?' Beliau menjawab: 'Uthman'. Apabila saya bertanya kepadanya soalan-soalan ini, Rasulullah ﷺ (Beliau tidak memberitahu saya lebih baik untuk membuat saya gembira.

³² Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). "Komunikasi Berkesan Dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial". *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37. Retrieved from: <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02>

Selepas itu saya berasa malu dengan diri saya atas perbuatan ini). Saya rasa saya tidak sepatutnya bertanya soalan sedemikian".³³

Hadith ini menunjukkan bahawa baginda ﷺ memberi perhatian sepenuhnya dan melihat satu persatu wajah pelajar atau sahabat baginda ﷺ sehingga setiap daripada mereka merasa penting dan di hargai. Begitu cara Nabi ﷺ membina hubungan kepercayaan dengan pelajar dan mengambil hati para pelajar agar mereka mempunyai minat untuk terus *istiqamah* dalam jalan menuntut ilmu. Terutama warga emas yang sangat mahu luahan dan cerita mereka di dengari. Kemahiran ini perlu ada kepada setiap individu yang berkecimpung dengan industri warga emas. Antara perkara penting yang perlu di lakukan semasa mendengar adalah postur badan, bahasa tubuh, ekspresi muka, menjadi pendengar yang aktif dan memberi perhatian semasa berkomunikasi dengan warga emas.³⁴ Manakala penghalang kepada komunikasi warga emas adalah tempat yang bising, sukar untuk beri perhatian, mencelah percakapan, ingatan di tempat lain (mengelamun) dan tidak minat untuk membuat komunikasi dua hala.³⁵

6) Memudahkan Pengajaran

Selain itu Nabi juga sentiasa memudahkan sesuatu urusan termasuklah pembelajaran al-Quran. Tidak terdapat dalam sunnah Rasulullah ﷺ sesuatu yang menyusahkan manusia dalam urusan agama atau menyulitkan urusan dunia mereka. Rasulullah ﷺ bersabda:

اَنَّ اللَّهَ لَمْ يَبْعَثْنِي مُعَنِّتًا وَلَا مُنَعَّتًا وَلَكِنْ بَعَثَنِي مُعَلِّمًا مُّهِسِّرًا " "

Allah tidak mengutusku untuk bersikap keras dan tidak menyakiti, tetapi Dia mengutusku untuk mengajar dan memudahkan urusan.³⁶

Baginda bersabda sebagai guru kepada umatnya:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا وَلَا تُنَفِّرُوا.

³³ Hadith Syamail Muhammadiyyah. Bab Ma Ja'a Fi Khalq Rasulullah ﷺ. no hadith 324.


³⁴ Ibid

³⁵ Le May, A., & Redfern, S. (1987). A study of non-verbal communication between nurses and elderly patients. In P. Fielding (Ed.), Research in the nursing care of elderly people (Developments in Nursing Research). Chischester: John Wiley & Sons LTD.

³⁶ Hadith Muslim. Kitab Al-Tolaq. Bab Bayan An Takhbirah Imratah La Yakunu Talaqan Illa Bi Al-Niyyat. no hadith 1478.

Berilah kemudahan kepada manusia (dalam urusan agama), dan janganlah kamu menyusahkan mereka dan berilah mereka berita gembira dan janganlah kamu membuat mereka lari (dari Islam).³⁷

Petunjuk Allah mengenai perkara ini dapat dilihat dari ayat berikut:



 ﴿لَا تُحِرِّكْ بِهِ إِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ﴾ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعُهُ وَقُوَّاتُهُ ﴿١٧﴾ إِنَّا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٨﴾

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak cepat-cepat (menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu. (Al-Quran. Al-Qiyamah 75: 16-18)

Dari Ibn Abbas r.a. Berkata, “Bahwasanya apabila wahyu turun kepada Rasulullah ﷺ, beliau segera menggerakkan lidahnya untuk cepat-cepat menghafalnya. Allah lalu menurunkan ayat ini.³⁸ Ayat ini menjelaskan tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku antara Jibril a.s. dengan Rasulullah ﷺ. Ia bermaksud bahawa al-Quran iaitu perlu dibaca mengikut tatacara khusus, tidak boleh gopoh agar setiap kalimah yang dibaca dan dihafal dapat difahami maksudnya. Kaedah tersebut di namakan sebagai tartil. Manakala *Tahqiq* pula sama seperti bacaan tartil, cuma ia lebih lambat dan perlahan, kebiasaannya dilakukan oleh mereka yang baru belajar membaca al-Quran. Kaedah ini sesuai dengan warga emas yang baru mempelajari al-Quran dan mempunyai tahap upaya yang lemah. Keupayaan mereka yang merosot tersebut memerlukan mereka membaca satu persatu perkataan dan kaedah ini memberi kesempatan juga kepada warga emas untuk menghayati makna dari ayat al-Quran tersebut.

Oleh kerana baginda Rasulullah ﷺ merupakan guru yang akan mengajar umat Islam, keperluan memahaminya secara mendalam adalah lebih aula. Justeru, selepas larangan daripada tergesa-gesa ini Allah memberi jaminan bahawa ayat-ayat suci itu sudah pasti akan dapat dihafal kerana Dia akan melapang dada baginda ﷺ untuk memudahkan al-Quran itu dibaca dan diingati. Maka, dalam pembelajaran al-Quran, teknik *talaqqi* dan *musyafahah* itu penting bagi membolehkan murid mengikut bacaan dengan makhraj yang betul. Jaminan Allah ini dapat difahami dari ayat berikut:



 قَالَ قَالَ: ﴿وَإِنَّكَ لَتُلَقِّي الْقُرْءَانَ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلَيْهِ﴾ ﴿٦﴾

³⁷ Sumber: Hadith Al-Bukhari. Kitab al-'Ilm. Bab Kana Al-Nabiyy ﷺ Yatakhawwaluhum Bi Al-Maw'izoh Wa Al-'Ilmi Kay La Yanfiru .no hadith 69 . Muslim. Kitab al-Jihad. Bab Fi al-Amr Bi al-Taysir Wa Tark Al-Tanfir .no hadith 1734.

³⁸ Al-Suyuti (t.th), 358.

Dan sesungguhnya kamu benar-benar diberi al-Quran dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui. (Al-Quran. Al-Naml 27: 6)

7) Peka Terhadap Pemilihan Waktu dan Emosi Pelajar

Rasulullah ﷺ mengelakkan pelajar tertekan dan kebosanan dengan memilih waktu yang sesuai untuk mengajar. Ini kerana, proses belajar dan mengajar yang berterusan menyebabkan timbulnya kebosanan dan hilang tumpuan kepada apa yang diajarkan hingga tidak dapat manfaat daripadanya.³⁹ ‘Abdullah ibn Mas‘ud meriwayatkan:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَحَوَّلُنَا بِالْمُؤْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ، كَرَاهَةُ السَّأَمَةِ عَلَيْنَا

Bahwa Rasulullah ﷺ selalu memperhatikan kami untuk memberikan nasihat, kerana baginda takut kami akan merasa bosan.⁴⁰

Oleh yang demikian, guru dan warga emas perlu berkerjasama untuk menentukan waktu yang sesuai bagi mempelajari al-Quran. Kelas yang berlangsung terlalu lama juga tidak sesuai dengan kondisi fizikal tubuh badan warga emas yang semakin tua. Malah pemilihan waktu yang salah akan menganggu tahap tumpuan warga emas untuk belajar. Ini kerana apabila menginjak usia tua, warga emas akan mudah bosan, tahap fokus menjadi semakin pendek dan mudah mengantuk serta lesu akibat pengambilan ubat-ubatan. Kelas yang berlangsung selama 1 jam dan perlu kepada senggang masa rehat sesuai dengan tahap keupayaan warga emas.

8) Pemilihan Guru yang Berkualiti

Rasulullah ﷺ amat mengambil berat kualiti guru yang akan mengajar al-Quran, kerana ia mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam sebuah hadith, Rasulullah ﷺ menjelaskan individu yang berautoriti dalam pengajaran al-Quran, sebagaimana sabda baginda:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةِ مِنِ ابْنِ مَسْعُودٍ وَأَبِي بْنِ كَعْبٍ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ وَسَالِمٍ مَوْلَى أَبِي حُدَيْفَةَ.

Ambillah Al-Qur'an dari empat orang iaitu dari Ibnu Mas'ud, Ubay bin Ka'b, Mu'adz bin Jabal, dan Salim hamba Abu Hudzaifah yang merdeka.⁴¹

Guru al-Quran warga emas yang berkualiti bukan sahaja mampu menerangkan pembelajaran al-Quran dengan baik malah mampu bersabar dengan proses

³⁹ Al-Khatib, 1993: 48.

⁴⁰ Sumber: Hadith Al-Bukhari. Kitab al-'Ilm. Bab Kana Al-Nabiyy ﷺ Yatakhawwaluhum Bi Al-Maw'izoh Wa Al-'Ilmi Kay La Yanfiru . no hadith 68.

⁴¹ Hadith Al-Tirmidhi. Kitab al-Manaqib 'An Rasulullah ﷺ. Bab Manaqib 'Abillah Bin Mas'ud .no hadith 3810.

pembelajaran warga emas yang perlahan dan kesalahan yang di lakukan berulang-ulang. Karakter guru yang mengajar warga emas adalah berbeza dengan guru yang mengajar kanak-kanak dan dewasa. Mereka perlu mempunyai kapasiti emosi dan empati yang tinggi, sikap ikhlas dan sabar dalam mengajar warga emas.⁴²

9) Persekutaran Ilmu dan Kelas yang Kondusif

Persekutaran kelas yang baik sangat penting untuk menyokong kelemahan warga emas dari sudut fizikal. Oleh kerana warga emas kerap kali mempunyai sakit lutut, kebas kaki, strok dan sebagainya kemudahan asas seperti kerusi, meja, alat pendingin hawa, pencahayaan yang baik serta papan putih perlu supaya warga emas dapat belajar dengan lebih selesa. Malah persekitaran ilmu juga boleh di dengan terdapat juga kelas-kelas pengajian lain yang berlangsung di situ bagi mewujudkan suasana ilmu bagi menaikan semangat di kalangan mereka. Kelas warga emas sebaiknya di lakukan dalam 10-15 orang sahaja dalam satu kelas bagi menjaga privasi pelajar, malah guru juga boleh memberi perhatian yang baik dengan bilangan kapasiti pelajar tersebut.

Selain itu, terdapat suatu kelebihan apabila kelas tersebut di laksanakan dalam bentuk halaqah. Kedudukan dalam bentuk halaqah sudah bermula ketika Rasulullah melaksanakan dakwah baginda.⁴³ (Pada mula Islam berkembang, perjumpaan halaqah tersebut bermula di al-Arqam bin Abi al-Arqam⁴⁴ (Dini Farhana Baharudin et.al., 2013) . Halaqah atau circle ini sangat baik di laksanakan dalam pembelajaran bagi menarik semua pelajar untuk fokus kepada pengajaran. Kaedah ini juga merupakan kaedah terawal yang di gunakan di Malaysia dalam mempelajari al-Quran⁴⁵ Malah, Barbara kelly turut mengakui bahawa “circle time” sebagai pendekatan dalam merawat emosi.⁴⁶

Pelbagai manfaat sekiranya guru menggunakan kaedah halaqah ini antara nya adalah meningkatkan tahap yakin diri untuk mengutarakan perasaan dan idea, peluang untuk membina hubungan di antara ahli kumpulan, menggalakkan untuk membantu memberi sokongan, meningkatkan kesedaran dan pendekatan untuk memahami tingkah laku, penyelesaian kepada masalah kurang fokus.⁴⁷ Namun, kaedah halaqah ini sesuai di laksanakan sekiranya majoriti warga emas tersebut mempunyai tahap bacaan al-Quran yang baik. sekiranya bacaan al-Quran tersebut lemah maka kaedah “one to one”

⁴² Ibid

⁴³ Noornajihan Jaafar et al (2012). The Importance of Self-Efficacy : A Need For Islamic Teachers as Murabbi. International Conference on Education and Educational Psychology .

⁴⁴ Dini Farhana et al. (2013). Islamic Study Circle (Halaqah) As A Teaching Method In Counselor Education: Students' Experience. Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. 25-26 November 2013, Langkawi, Malaysia, 129-134

⁴⁵ Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴⁶ Barbara, C., &Kelly, B (2007). “Circle Time”. December 2014, 37-41. <https://doi.org/10.1080/0266736990150107>,

⁴⁷ Ibid

adalah lebih sesuai.⁴⁸ Oleh kerana warga emas mempunyai tahap fizikal yang lemah dan kaki yang tidak kuat, maka kaedah halaqah tersebut di galakan di lakukan dengan di lengkapi dengan kerusi dan meja.

10) Menyediakan Kelas Privasi buat Muslimah

Majlis ilmu yang dianjurkan oleh Rasulullah tidak hanya tertumpu kepada kaum lelaki dewasa, malah ia turut dihadiri oleh kanak-kanak dan kaum wanita. Ramai wanita yang hadir untuk mempelajari hadith-hadith Rasulullah ﷺ dalam majlis-majlis umum seperti solat hari raya. Akan tetapi, oleh kerana kecintaan kepada ilmu, mereka masih belum berpuas hati dengan ilmu yang diperolehi melalui cara demikian. Maka, sekumpulan wanita datang kepada Rasulullah ﷺ dan meminta Baginda mengkhususkan hari tertentu untuk mereka belajar.⁴⁹

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَتِ النِّسَاءُ لِلنَّبِيِّ ﷺ عَلَيْنَا عَلَيْكَ الرِّجَالُ، فَاجْعَلْ لَنَا يَوْمًا مِنْ تَفْسِيكَ. فَوَعَدَهُنَّ يَوْمًا لَقِيهِنَّ فِيهِ...

Diriwayatkan daripada Abu said al hudri: Berkata kaum wanita kepada Nabi ﷺ terlalu ramai kaum lelaki yang (menghadiri majlismu), tentukanlah satu hari (untuk kami belajar) lalu ditentukan satu hari untuk mereka....⁵⁰

Dari sini, dapat di lihat bahawa, Rasulullah ﷺ meraikan keinginan para wanita untuk mempelajari ilmu sehingga mengkhususkan waktu pembelajaran khusus buat wanita sahaja. Perkara ini sudah pasti menimbulkan rasa senang hati di kalangan para wanita kerana dapat bersoal jawab dengan Rasulullah dengan baik. Keinginan yang mendalam itu akhirnya telah melahirkan tokoh wanita-wanita Islam yang unggul dalam keilmuan yang sama- sama berganding bahu dengan kaum lelaki dalam usaha memberi kefahaman mengenai Islam kepada manusia. Abd al-Muta‘al (1987) menukilkan dalam kitabnya bahawa terdapat kira-kira 20 orang sahabiyat yang telah menjadi ahli hadith. Pengkhususan kelas wanita ini juga sangat sinonim dengan keadaan pembelajaran al-Quran warga emas di mana, warga emas wanita lebih selesa dan memilih untuk berada dalam kelas wanita sahaja berbanding kelas yang bercampur antara wanita dan lelaki.

11) Alat Bantuan Mengajar

Dalam pengajaran, baginda tidak ketinggalan menggunakan alat bantuan mengajar bagi memudahkan penyampaian ilmu antara nya adalah lukisan yang di lukis di tanah :

⁴⁸ Maznah Muhamad (2010). *Adult And Continuing Education In Malaysia*. University Putra Malaysia.

⁴⁹ Al-Khatib, 1993: 54

⁵⁰ Sumber: Hadith. al-Bukhari, Kitab ilmu, hendaklah ditetapkan satu hari bagi wanita untuk mengajar mereka agama selain lelaki? no hadith 101.

كَيْنَا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَخَطَّ خَطًّا ، وَخَطَّ خَطَّينَ عَنْ يَمِينِهِ ، وَخَطَّ خَطَّينَ عَنْ يَسْارِهِ ، ثُمَّ
وَضَعَ يَدَهُ فِي الْخَطِّ الْأَوْسَطِ ، فَقَالَ: هَذَا سَبِيلُ اللَّهِ ثُمَّ تَلَاهُ الْآيَةُ: (وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ
وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Jabir dan Ibnu Abbas r.a., berkata Jabir: Ketika kami sedang duduk bersama dengan Nabi ﷺ, Baginda membuat satu garisan yang lurus di atas tanah dengan menggunakan tangannya seraya bersabda: “Inilah jalan Allah Azza wa Jalla.” Kemudian Baginda ﷺ membuat dua garisan di sebelah kanan Baginda dan dua garisan di sebelah kiri, setelah itu Baginda bersabda: “Inilah jalan-jalan syaitan”. Kemudian Baginda ﷺ. Meletakkan tangannya yang mulia itu di atas garisan tengah lalu membaca ayat (al-Quran, al-An'am 153).

Daripada hadith di atas dapat diisytihab bahawa Rasulullah ﷺ menggunakan ABM (alat bantu mengajar), untuk melakarkan sesuatu di atas tanah semasa menerangkan sesuatu kepada sahabatnya supaya lebih jelas maksudnya.⁵¹ Terdapat juga hadith lain baginda ﷺ menggunakan isyarat tangan untuk menunjukkan situasi orang beriman yang saling bantu membantu, dan kedudukan anak yatim dengan baginda di syurga.

Hadith ini menunjukkan bahawa, alat bantu mengajar juga tidak kurang penting bagi melancarkan sesi pembelajaran. Jika masa kini, guru al-Quran memerlukan alat bantu mengajar seperti patung rongga mulut manusia untuk menunjukkan dengan jelas keluar huruf al-Quran. Tidak kurang penting juga komputer dan papan putih sebagai pemudah cara sewaktu sesi pembelajaran.

4. KESIMPULAN

Pendekatan Rasulullah ﷺ merupakan pendekatan yang terbaik dalam membina hubungan dengan manusia. Malah dalam pendidikan, seharusnya para guru merujuk dan mengutamakan pendekatan Rasulullah ﷺ. Ini kerana pendidikan yang di anjurkan Nabi Muhammad ﷺ bersifat lemah lembut, berkasih sayang, tidak bersifat menghukum dan menghormati kendiri pelajar. Rasulullah juga selalu memberi sesuatu ilmu sesuai dengan tahap pemikiran dan latar belakang pelajar tersebut. Semua pendekatan ini penting dan harus dihayati oleh guru, terutama guru yang mengajar warga emas. Ini supaya, pengajaran al-Quran di kalangan warga emas menjadi pilihan utama mereka sehingga akhir kehidupan mereka.

⁵¹ Mohd. Yusuf Ahmad. (tt) Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Masjid. fakulti sains social gunaan. Open University.

RUJUKAN

- [1] Al-Quran
- [2] ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, 1996, *al-Tarbiyah al-Islamiyyah fi Surah al-Ahzab*, t.tp.: Dar al- Tawzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah
- [3] Al-Sibagh, Muhammad Lutfi., 1986, *al-Hadith al-Nabawi, Mustalahuh, Balaghatush, Kutubuh*, t.tp.: al-Maktab al-Islami.
- [4] Al-Khatib, Muhammad ‘Ijaj., 1993, *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Beirut: Dar al- Fikr
- [5] Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [6] Abdul Razak, Ahmad Zabidi. 2018. “Pembangunan Insan Yang Berterusan: Asas Inisiatif Pembinaan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas”, *Nternational Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016* (Irsyad 2016).
- [7] Barbara, C., & Kelly, B. 2007. “Circle Time”. *December 2014*, 37–41. <https://doi.org/10.1080/0266736990150107>,
- [8] Bassuck, S., Glass T., Berkman L. 1999. “Social disengagement and incident cognitive decline in community dwelling elderly persons”. *Ann Intern Med*, 131, 165-173
- [9] Brigman, S., & Cherry, K. E. 2002. “Age and skilled performance: Contributions of working memory and processing speed. *Brain and Cognition*”, 50, 242–256
- [10] Czaja, S. J., & Sharit, J. 1993. *Age differences in the performance of computer-based work. Psychology and Aging*, 8, 59–67.
- [11] Dini Farhana Baharudin, Mohd. Rushdan Mohd. Jailani & Melati Sumari. (2013). Islamic Study Circle (Halaqah) As A Teaching Method In Counselor Education: Students’ Experience. Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. 25-26 November 2013, Langkawi, Malaysia, 129-134
- [12] Elmi Baharuddin, & Zainab Ismail. 2013. “Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan”. *Islamiyyat*, 35(1), 19–28.
- [13] Elmi Baharuddin. 2013. Kecerdasan Ruhaniah Dan Amalan Agama Warga Tua Di Rumah Kebajikan. Thesis Phd, Bangi: UKM
- [14] Fakhrul Adabi Abdul Kadir. 2007. "Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor". *Jurnal Usuluddin*, 25, 73–88. Retrieved From Http://Apium.Um.Edu.My/Journals/Journal_Usul/No_Usul.Php

- [15] Jones, B. D., & Bayen, U. J. 1998. "Teaching older adults to use computers: Recommendations based on cognitive aging research". *Educational Gerontology*, 24, 675–689
- [16] Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. 2017. "Komunikasi Berkesan Dengan Warga Emas : Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial". *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37. Retrieved from: <Https://Doi.Org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02>
- [17] Le May, A., & Redfern, S. (1987). A study of non-verbal communication between nurses and elderly patients. In P. Fielding (Ed.), Research in the nursing care of elderly people (Developments in Nursing Research). Chischester: John Wiley & Sons LTD.
- [18] Mariam Abd Majid, Shalawati Abu Bakar, Safinah Ismail, Ahmad Zabidi Abdulk Razak, Noor Atika Shafinaz Nazri. 2017. *MonoGraf Model Pendidikan Warga Emas Di Pondok-Pondok Di Malaysia*, Bangi: Kuis
- [19] Merriam, S.B. & Caffarella, R.S. 1999. "Learning in Adulthood: A Comprehensive Guide". San Fransisco: Jossey Bass
- [20] Monika @ Munirah, A. R., Liyana Nadzirah, M. S., Nor Hizwani, A. T., & Nik Mohd Zaim, A. R. 2014. *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian Di Tv Al-Hijrah*. The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014, 978–967. Retrieved From Https://Umxpert.Um.Edu.My/File/Publication/00008431_105022.Pdf
- [21] Mohd Shamsul Hakim Abd Samad, Norhasnira Ibrahim, Zainora Daud, Nurul 'Asyiqin Aminul Rasyid. 2017. "Pembelajaran Al-Quran Teras Pengajian Sepanjang Hayat Bagi Warga Emas: Kajian Ke Atas Penghuni Rumah Jagaan Orang-Orang Tua". *Niai: USIM*
- [22] Maznah Muhamad. 2010. *Adult And Continuing Education In Malaysia*. University Putra Malaysia.
- [23] Nayan, S. 2006." Keprihatinan Yang Luntur Terhadap Warga Emas ". *Jurnal Intelek*.
- [24] Ramlan, Z. A., Ahmad, E., & Wan Mohd. Rashid Wan Ahmad. 2008. "Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu,Cabar Dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan Dalam Komuniti Setempat". *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pkpgb 2008*, 1–9.
- [25] Sharif, N. C., Alavi, K., Subramaniam, P., & Zamani, Z. A. 2013. "Pengalaman Dan Faktor Pengabaian Warga Emas Dalam Komuniti (Experiences And Factors Of Negligence Among Elderly In Community)". *Journal Of Csocial Sciences And Humanities*, 53(9), 1689–1699
- [26] Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor, & Zulkifli A. Manaf. 2011. "Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan

Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa". *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 5(Special Edition), 53–70.

- [27] Sucylaite, J.2014. "Elderly People Communication in Literature Learning Environment". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 953–957. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.646>
- [28] Noornajihan Jaafara; Ab. Halim Tamurib; Nurul Asiah Fasehah Muhamadc; Norzulaili Mohd. Ghazalid; Robiatul Adawiyah Mohd Amate; Norakyairee Mohd. Rausf; Syed Najihuddin Syed Hassang. 2012. The Importance of Self-Efficacy: A Need For Islamic Teachers as Murabbi. International Conference on Education and Educational Psychology.
- [29] Wan-Ibrahim, W. A., Zainab, I., Muhammad-Hafeez, Z., Siti-Hawa, M., Faraha, A., Noredayu, A. G., & Noraini, M. T. 2012. "Kepatuhan agama asas pembentukan tamadun ummah: Kes tahap kepatuhan agama warga tua wanita Felda Chiku, Kelantan". *Journal Hadhari Special Edition*, 79–89.
- [30] Zainab Ismail & Elmi Baharuddin. 2012. "Religious Participations Among the Older Persons In Malaysia". *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3): 388-391, 2012 ISSN 1995-0772 Bangi: UKM.